

24/02/2002

Pasangan ingin jelajah dunia tidak dapat penaja

KUALA LUMPUR: Hasrat pasangan suami isteri untuk mengelilingi dunia menggunakan kenderaan pacuan empat roda masih belum kesampaian disebabkan kekurangan pembiayaan.

"Sepatutnya ekspedisi penjelajahan kami itu bermula pada akhir Januari lalu tetapi disebabkan kekurangan wang khususnya penajaan syarikat swasta, penjelajahan itu terpaksa ditunda pada April depan," kata Mejar (B) Mohamed Arshad Khan kepada Bernama, semalam.

Sehingga kini beliau belum mendapat sebarang jawapan daripada syarikat swasta yang telah beliau hubungi.

Mohamed Arshad, 58, bersama isterinya, Salina Abdullah kini dalam persiapan untuk menjelajah ke seluruh dunia dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda.

Ekspedisi yang mendapat perakuan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dan Kementerian Belia dan Sukan itu akan meliputi penjelajahan ke 26 negara yang jarak perjalanannya kira-kira 40,000 kilometer.

Beliau berkata, segala urusan dengan Wisma Putra dan pihak kedutaan Malaysia di luar negara serta kedutaan asing di Malaysia telah selesai dibuat dan menunggu tarikh ekspedisi itu bermula.

Mohamed Arshad yang berasal dari Ipoh, Perak berkata perancangan untuk melakukan ekspedisi itu dilakukan sejak dua tahun lalu dan kertas cadangan itu dibawa kepada Perdana Menteri dan mendapat persetujuan dan pengesahan.

Ekspedisi itu akan bermula dari pusat pentadbiran kerajaan, Putrajaya di mana Dr Mahathir sendiri dijangka melakukan flag-off dan seterusnya ke Pulau Pinang sebelum berangkat ke Calcutta, India menggunakan perkhidmatan kapal laut.

Penjelajahan suami-isteri itu di luar negara akan bermula di India dan antara negara yang bakal ditempuhi oleh mereka ialah Nepal, Pakistan, Iran, Turki, negara-negara Eropah, Kanada, Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, China, Vietnam, Laos dan Thailand.

Ekspedisi berkenaan akan melalui dua kawasan padang pasir, kawasan bersalji khususnya di kawasan pergunungan Himalaya dan menyeberangi tiga lautan.

Mohamed Arshad berkata semasa berkunjung ke negara-negara Komanwel, beliau akan membuat perjumpaan dengan Persatuan Bekas Tentera di sana, di samping melawat perkuburan anggota tentera yang terkorban semasa Perang Dunia Kedua.

"Setakat ini saya menghubungi persatuan-persatuan berkenaan melalui e-mail dan mereka amat berbesar hati untuk menanti kunjungan kami ke sana nanti," katanya.

Selain itu, Mohamed Arshad berkata ketika kunjungan ke Jepun juga mereka akan melawat tugu peringatan Perang Dunia Kedua dan melihat sendiri cara bagaimana rakyat di negara itu boleh membentuk sebuah negara maju selepas teruk musnah ketika zaman perang.

Bagaimanapun, beliau agak kesal kerana hasratnya melawat Korea Utara sebelum ke Korea Selatan tidak dapat dilakukan kerana mereka perlu menempuh laluan yang agak berbahaya di kawasan sempadan antara kedua-dua negara.

"Saya tidak keberatan melalui kawasan itu jika saya bersama beberapa orang lain kerana saya pernah tempuhi situasi seperti itu ketika berkhidmat dalam angkatan tentera tetapi memandangkan isteri saya turut sama, keselamatan adalah faktor utama yang perlu difikirkan," katanya.

Katanya, beliau tidak mempunyai sebarang masalah membawa isterinya untuk turut sama menyertai ekspedisi itu kerana mereka berdua telah beberapa kali melakukan ekspedisi bersama ke beberapa buah negara sebelum ini.

Jelas beliau sebelum cadangan untuk mengelilingi dunia itu dibuat, Mohamed Arshad dan Salina melakukan ekspedisi menggunakan kenderaan pacuan empat roda secara persendirian ke United Kingdom, Indonesia, Nigeria dan Thailand, serta mengelilingi Sabah melalui jalan balak.

Menyentuh mengenai persiapan beliau, Mohamed Arshad berkata beliau membeli sebuah kenderaan pacuan empat roda yang baru dengan tujuan ia tidak akan menghadapi sebarang masalah kerosakan yang besar ketika ekspedisi.

Keahlian dengan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) memungkinkkan beliau mendapat bantuan daripada persatuan automobil lain di luar negara.

Dari segi kesihatan pula, beliau dan isteri telah menjalani ujian tahap kesihatan dan akan menerima suntikan vaksin pencegah pelbagai penyakit.

"Atas nasihat Dr Mahathir, saya akan membawa laptop dan telefon bimbit dengan perayauan antarabangsa untuk berkomunikasi dan menghantar laporan dalam laman web," katanya.

(END)